

Permohonan sistem semak pesalah kes seksual masih rendah

Serdang: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerima sebanyak 94 permohonan untuk menggunakan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak (eDKK), sejak diperkenalkan April lalu.

Timbalan Menterinya, Hannah Yeoh, berkata jumlah itu amat rendah berbanding jumlah kanak-kanak di negara mencecah sembilan juta orang.

“Negeri tertinggi melayari sistem berkenaan untuk membuat permohonan dan semakan ialah Kelantan, iaitu 34 permohonan, diikuti Kedah (16) dan Kuala Lumpur (13).

“Negeri paling tinggi membuat semakan nama ialah Negeri Sembilan, iaitu sebanyak 352 menerusi seorang pemohon; diikuti Selangor (324) dan Sabah (241).

“Negeri yang belum lagi membuat sebarang semakan iaitu Perlis, Melaka dan Labuan,” katanya selepas merasmikan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2019, di Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam. *

Yeoh berkata, sistem itu diwujudkan bagi memudahkan pihak berkaitan termasuk ibu bapa yang ingin mengambil pengasuh atau pemilik Taska (taman asuhan kanak-kanak) membuat semakan memastikan individu diambil menjaga anak bebas rekod jenayah terutama membabitkan jenayah kanak-kanak.

“Sistem itu bertujuan bagi menggalakkan ibu bapa yang mengambil upah orang menjaga anak mereka seperti pembantu rumah, pengasuh di Taska dan pemandu bas sekolah membuat semakan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), apakah orang itu pernah disabitkan dengan kesalahan atau tidak,” katanya.

Sistem itu bertujuan bagi menggalakkan ibu bapa yang mengambil upah orang menjaga anak mereka seperti pembantu rumah, pengasuh di Taska dan pemandu bas sekolah membuat semakan dengan JKM.

**Hannah Yeoh,
Timbalan Menteri
Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**